

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS PELANCARAN NOVEL BERJODOL "MENGEJAR KEBAHAGIAN"
Lokasi : HOTEL PAN PACIFIC, KUALA LUMPUR
Tarikh : 12-01-1991

Yang Berhormat Tan Sri Dato' Mohamed Zahir Ismail dan Puan Sri Datin; Dif-Dif Kehormat; Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin sekalian.

Saya berasa bangga kerana dapat bersama-sama hadir di Majlis Pelancaran Novel berjudul "Mengejar Kebahagiaan" karya Yang Berhormat Tan Sri Dato' Mohamed Zahir Ismail.

Saya tidak menjangka yang saya akan diberi penghormatan untuk melancarkan novel ini. Tan Sri Zahir telah menghantarkan senaskah buku terbitan Berita Publishing ini kepada saya untuk dibaca dan saya dapati kandungannya sungguh menarik. Pengolahan ceritanya banyak membabitkan kehidupan kita. Apabila kita membacanya, kita dapat rasakan peristiwa itu baru sahaja berlaku. Tan Sri Zahir memang berminat dalam bidang penulisan dan ada karyanya yang sudah pun diterbitkan sebelum novel Mengejar Kebahagiaan ini.

Setahu saya, beliau masih lagi giat menulis.

2. Novel ini mengutarakan banyak mesej yang dapat memberi kesedaran kepada kita. Tema utama dan universal dalam novel ini ialah kegigihan dan kecekalan untuk hidup. Watak utama dalam novel ini digambarkan sebagai wira serba boleh dan serba tahu. Ia juga boleh melakukan sebarang kerja. Ia sanggup menjadi nelayan, pemotong rumput dan juga tukang kebun. Walau apapun kerja yang dilakukannya ia tetap bersikap bertanggungjawab dan keras kemahuan. Ia mahu semua kerja yang dilakukannya itu berhasil dengan jayanya. Ia mengajar dan menyedarkan kita tentang banyak perkara. Yang pentingnya ia mengajar kita supaya berusaha untuk terus berjaya dalam hidup. Sifat-sifat inilah yang perlu diteladani oleh generasi kini untuk memupuk semangat rajin bekerja dan berdikari supaya hidup dapat dimanfaatkan.

Watak utama dalam novel ini tidak pernah berputus asa.

Walaupun pada suatu ketika ia hampir berputus asa kerana kecewa dalam percintaan tetapi disebabkan dorongan yang kuat untuk terus hidup ia telah berjaya. Ternyata ia mempunyai semangat waja dan cekal hati untuk mengharungi kehidupan ini.

3. Banyak peristiwa yang telah diselitkan dalam novel ini.

Kebanyakan peristiwa ini merupakan rempah ratus kehidupan.

Sesetengah peristiwa ini telah, sedang dan mungkin akan berlaku secara tidak disedari pada masa hadapan. Walau bagaimanapun, kita patut mengharapkan perkara-perkara yang baik sahaja akan menapak dalam kehidupan kita. Minta dijauhkan perkara-perkara yang merugikan.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

4. Satu perkara yang menjadi persoalan dalam kehidupan kita sekarang ialah tentang penyalahgunaan dadah. Banyak usaha pencegahan telah dijalankan untuk melindungi generasi kini dan akan datang. Dalam novel ini juga ada diselitkan babak-babak yang mencemaskan ini. Tujuannya bukanlah untuk memperbesar-besarkan isu itu tetapi untuk memberikan kesedaran kepada umum terutamanya ibu bapa tentang bahaya dadah. Apabila dadah sudah menyerap ke dalam tubuh, sukarlah bagi seseorang itu untuk melepaskan diri daripada perangkapnya. Ibu bapalah orang yang pertama yang boleh mengesan penglibatan anak-anak mereka dalam kancah dadah.

5. Pengarang novel ini telah bersusah payah mencari bahan untuk menggambarkan keadaan yang

sebenarnya tentang usaha membanteras dadah. Beliau telah menggunakan bahan-bahan penyelidikan dan hasil temubual beliau dengan bekas-bekas penagih dadah dan pegawai-pegawai yang berkaitan untuk menimbulkan satu keadaan yang realistik dan dapat benar-benar dirasakan. Beliau memang mengambil berat tentang masalah ini dan cuba mendedahkan persoalan ini untuk menyedarkan masyarakat terutamanya ibu bapa tentang betapa besarnya pengorbanan yang perlu dicurahkan untuk menjaga supaya keluarga mereka menjauhi dadah. Penagihan dadah merupakan masalah masyarakat yang perlu dibendung supaya tidak menular sehingga memusnahkan generasi kini dan yang akan datang. Penghayatan babak-babak tentang dadah ini sekurang-kurangnya dapat mengajar kita melakukan sesuatu apabila ada tanda-tanda yang tidak kena dan perlukan tindakan yang segera untuk mengatasinya.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

6. Satu keistimewaan yang terdapat dalam novel ini ialah imbas kembali perjuangan rakyat untuk menentang pembentukan Malayan Union. Peristiwa ini penting kerana ia merupakan kemuncak perjuangan rakyat untuk mencapai kemerdekaan. Di dalam novel ini dirakamkan bagaimana orang-orang Melayu bangkit menentang gagasan Malayan Union. Demonstrasi diadakan di merata-rata tempat untuk menunjukkan bantahan rakyat terhadap cadangan pihak penjajah menghapuskan kuasa dan kedaulatan raja-raja dan menjadikan Tanah Melayu sebuah daripada tanah jajahan British. Akhirnya pihak penjajah telah gagal menubuhkan Malayan-Union di Tanah Melayu.

7. Asas perjuangan inilah yang patut menjadi kemegahan kepada kita kerana tanpa perjuangan itu kita tidak mungkin dapat mengecap hidup bebas seperti yang dapat kita rasakan sekarang. Perjuangan inilah yang telah mengasaskan kemerdekaan yang mutlak sehingga menjadikan Tanah Melayu sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Generasi muda patut mengambil iktibar daripada perjuangan ini. Mereka patut mengenang sejarah perjuangan bangsa yang memberikan kesejahteraan hidup kepada kita dan generasi yang akan datang.

Para hadirin sekalian,

8. Akhir sekali, saya berharap dengan adanya novel ini semua golongan masyarakat akan dapat membacanya dan mengambil iktibar sebagai panduan untuk menempuhi kehidupan mereka.

9. Dengan harapan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan pelancaran novel "Mengejar Kebahagiaan" ini.

Sekian, terima kasih.